

NO. SOALAN: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

RUJUKAN : 8008

SOALAN:

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk meningkatkan pemantauan terutamanya di setiap saluran terutamanya di media sosial bagi mengekang penyebaran ideologi pengganas menerusi Internet serta menjalinkan kerjasama menyeluruh dengan Polis Antarabangsa (Interpol).

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa media sosial adalah pilihan utama medium yang digunakan oleh pengikut-pengikut kumpulan militan terutamanya kumpulan militan *Islamic State* (IS) dalam penyebaran fahaman dan merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai kumpulan mereka. Penggunaan media sosial dilihat menepati keperluan semasa segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda. Ini kerana medium berkenaan mudah diakses secara meluas, murah, sukar dikawal dan mudah untuk menyerapkan ideologi dan perjuangan IS ini kepada golongan berkenaan.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia sememangnya telah lama membuat pemantauan bagi mengesan media-media sosial yang sering digunakan untuk menyebarkan fahaman militan ini daripada terus berkembang. Setakat ini sahaja terdapat sejumlah 500 akaun *facebook* telah dikesan digunakan oleh kumpulan militan *Islamic State* (IS) ini. Ke semua akaun tersebut dipantau dengan rapi oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melalui Bahagian *Cyber Security Unit* dalam PDRM dengan kerjasama dan perkongsian maklumat melalui badan-badan perisikan antarabangsa termasuk INTERPOL.

Sementara itu, terdapat sejumlah 100 akaun *facebook* milik individu yang mempunyai kaitan dengan IS telah disekat oleh

pihak *facebook* sendiri kerana mempunyai hubungan dengan aktiviti keganasan. Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap “*blog*” atau “laman web” yang terlibat dengan kegiatan penyebaran fahaman kumpulan militan IS ini termasuklah dengan “menyekat” aksesnya daripada umum sama ada dari dalam atau luar negara.